



# PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP)

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI SELANGOR TAHUN 2021-2025

UNIT INTEGRITI



# ISI KANDUNGAN

AMANAT YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

PENGESAHAN PELAN OACP DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Pengenalan

<b>1</b>	1.1 LATAR BELAKANG PSUK	12
	1.2 CARTA ORGANISASI PSUK	13
	1.3 VISI DAN MISI PSUK	14
	1.4 NILAI-NILAI BERSAMA PSUK	15

---

Analisis

<b>2</b>	2.1 ANALISIS PERSEKITARAN	17
	2.2 ANALISIS DATA	20
	2.3 ANALISIS RISIKO	29

---

Kerangka OACP PSUK

<b>3</b>	3.1 VISI OACP SUK	30
	3.2 MISI OACP SUK	30
	3.3 BIDANG KEUTAMAAN OACP PSUK	30
	3.4 STRATEGI OACP PSUK	30
	3.5 OBJEKTIF STRATEGIK OACP PSUK	31
	3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PSUK	32

---

Pemantauan dan Penilaian

<b>4</b>	4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN	43
	4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PSUK	44

---

<b>5</b>	PENUTUP	45
----------	---------	----

**Sabda Rasulullah SAW**

**“Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerimanya”**

**(Riwayat Abu Daud)**

**“Pemberi rasuah dan penerima rasuah berada dalam api neraka”**

**(Riwayat at-Thobarani)**



## AMANAT YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum dan Selamat sejahtera.

Pertama sekali, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) 2021-2025 berjaya dibangunkan.

Pelan ini telah dirangka dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai panduan kepada warga kerja PSUK agar setiap aktiviti dan program penyampaian fungsi PSUK sentiasa bebas daripada amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Walau bagaimanapun, kejayaan dalam membanteras salah laku ini tidak akan terlaksana tanpa komitmen dan kesungguhan semua warga kerja dalam memastikan setiap inisiatif dan pelaksanaan aspek tadbir urus perkhidmatan dijalankan dengan telus, amanah dan berintegriti.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”



**YB DATO' HAJI HARIS BIN KASIM  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**



**TUAN DR NOR FUAD BIN ABDUL HAMID**  
**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**(PEMBANGUNAN)**



**TUAN MOHAMAD ZAHRI BIN SAMINGON**  
**TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN**  
**(PENGURUSAN)**

## KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUK) dihasilkan dengan komitmen berterusan dari kesemua 15 bahagian di bawah PSUK untuk memperkukuhkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah di kalangan warga kerja melalui pelaksanaan tindakan preventif dan proaktif sepertimana yang digariskan di bawah pelan tersebut.

Matlamat pelan ini juga adalah selaras dengan objektif Pelan Anti Rasuah Nasional iaitu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam proses pentadbiran kerajaan sekaligus mengurangkan amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa selain meningkatkan imej negara sebagai sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.

Justeru, dengan adanya OACP PSUK ini, seluruh warga kerja diseru untuk bersama-sama memastikan pengurusan pentadbiran PSUK bebas dari amalan rasuah. Dalam masa yang sama, aspek tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan dapat ditambah baik bagi melahirkan warga kerja PSUK yang berintegriti.

## KETUA BAHAGIAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



**Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar**  
Setiausaha Bahagian  
Pejabat Dewan Negeri Selangor



**Encik Anuar Bin Asmuni**  
Ketua Audit Dalam  
Bahagian Audit Dalam



**Puan Norliza Binti Yusoff**  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan



**Tuan Haji Hasim Bin Zainal Abidin**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Maklumat



**Encik Hamizam Bin Abdulla Zabidi  
@ Ahmad Zawawi**  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Makro dan Penswastan



**Encik Muhammad Heeza Bin Hassan**  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Sektoral



**Puan Siti Azrah binti Mohd Ibrahim**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber  
Manusia

## KETUA BAHAGIAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



**Encik Ahmad Zaki Bin Yusof**  
Timbalan Pengarah  
Seksyen Agihan dan Pembangunan



**Encik Muhamad Shah Bin Osmin**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan



**Puan Aziah Binti Kamaruddin**  
Penolong Pengarah  
Majlis Tindakan Ekonomi Selangor



**Encik Mohd Hidayat Bin Mohd Sauffi**  
Ketua Setiausaha Sulit Kepada  
YAB Dato' Menteri Besar Selangor



**Encik Mohd Ikram Bin Seri@Rahimi**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Pengurusan Bencana



**Puan Nor Azurah Binti Nasir**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Korporat



**Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri



**Puan Nur binti Sapran @ Shahrani**  
Ketua Penolong Setiausaha  
Unit Integriti

## JAWATANKUASA OACP PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



“Hanya nilai integriti, kejujuran dan amanah yang kukuh dalam diri seseorang dapat menangkis godaan rasuah serta salah guna kuasa. Walaupun memiliki banyak wang yang banyak, hujung tahun dapat bonus dan ada lagi ganjaran lain, tetapi hidup tidak seronok kerana apa yang kita miliki itu tidak berkat.”

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan OACP PSUK adalah salah satu inisiatif sebagaimana yang tertakluk dalam Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No.1 Tahun 2019 - Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional dan bagi mencapai aspirasi nasional 'Malaysia menjadi sebuah negara bebas rasuah dan berintegriti'.

OACP PSUK dirangka dengan Visi **“Membentuk warga PSUK yang berintegriti dan bebas rasuah”** dan Misi **“Memperkukuhkan governans, integriti dan anti rasuah warga PSUK melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa”** berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu pembangunan, kewangan dan pentadbiran. Bagi tujuan tersebut, sebanyak tiga (3) Strategi, empat (4) Objektif Strategik yang telah digariskan dan 31 Pelan Tindakan perlu dilaksanakan dalam mencapai matlamat OACP PSUK.



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA  
NEGERI SELANGOR  
LOT 1, PERSIARAN SELANGOR  
SEKSYEN 16  
40200 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel. : 03-5525 6500  
Faks : 03-5525 6515  
Website : <http://www.sprm.gov.my>



Ruj. Kami : SPRM/SEL(S):600-1/6  
Tarikh : 02 September 2021  
24 Muharam 1443H

Ketua Unit Integriti  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan  
Unit Integriti  
Tingkat 7  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah  
**40000 SHAH ALAM**

Tuan,

**PERMOHONAN UNTUK PENGESAHAN BAGI PELAN ANTI RASUAH ORGANISASI (AOCP) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN (SUK) NEGERI SELANGOR TELAH DISEMAK DAN DIPERAKUI MENGIKUT FORMAT YANG TELAH DITETAPKAN**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat tuan rujukan : IPK.Sel.Int.500-4/13/4 Jld.2 (25) bertarikh 23 Ogos 2021 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan, Bengkel AOCP SUK Selangor yang dikendalikan oleh SPRM Negeri Selangor telah dilaksanakan pada 6 April hingga 8 April 2021. Selanjutnya dua sesi permurnian AOCP bagi menyemak konteks dan format telah diadakan oleh Urus Setia OACP SUK Selangor bersama SPRM Negeri Selangor pada 13 Julai 2021 dan 11 Ogos 2021.

3. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya ini mengesahkan dan mendapati Pelan Anti Rasuah Organisasi (AOCP) SUK Selangor adalah mengikut format yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(DATO' HAJI ALIAS BIN SALIM)TPJ**  
Pegarah  
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia  
Negeri Selangor

**'RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA'**  
**'ABHOR CORRUPTION, UPHOLD PRIDE'**


## PENGESAHAN PELAN OACP PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

## 1.0 PENGENALAN

### 1.1 LATAR BELAKANG PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (PSUK)

PSUK diketuai oleh YB SUK Selangor, dengan dibantu oleh dua (2) Timbalan SUK bagi sayap pengurusan dan pembangunan. Terdapat lima belas (15) bahagian di bawah PSUK yang memainkan peranan dalam mengendalikan hal ehwal berkaitan urusan pentadbiran negeri. PSUK juga memainkan peranan penting bagi memastikan perancangan dan dasar Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan efektif.

## 1.2 CARTA ORGANISASI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



### 1.3 VISI DAN MISI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**VISI**


**Selangor Negeri  
*Smart And Caring***

**MISI**

**Melestarikan  
Pembangunan Dan  
Kemakmuran  
Simetri, Pintar Dan  
Peduli Rakyat**

## 1.4 NILAI-NILAI BERSAMA JABATAN (E.H.S.A.N)

<b>E</b>	<b>EMPATI</b>	Penyampaian perkhidmatan yang berkualiti tinggi berdasarkan kajian dan pemahaman mendalam terhadap keperluan oleh pemegang taruh
<b>H</b>	<b>HOLISTIK</b>	Pendekatan yang menyeluruh dalam merancang, membuat keputusan dan melaksanakan sesuatu kerja agar <i>output</i> yang dihasilkan memenuhi kehendak pemegang taruh dan menghapuskan punca masalah secara <i>total</i>
<b>S</b>	<b>SEMANGAT BERPASUKAN</b>	Penggemblengan tenaga, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman melalui semangat kerja berpasukan yang tinggi bagi mencapai visi dan misi organisasi
<b>A</b>	<b>AKAUNTABILITI</b>	Berkhidmat dengan penuh amanah, integriti dan rasa kebertanggungjawaban yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dan mengelakkan sebarang bentuk pecah amanah
<b>N</b>	<b>NEUTRAL</b>	Mengamalkan prinsip berkecuali dalam memberikan perkhidmatan sebagai jentera pelaksana dasar-dasar kerajaan berdasarkan undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuat kuasa




“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”

Surah Al-Baqarah: Ayat 188


## 2.0 ANALISIS

### 2.1 ANALISIS PERSEKITARAN


*Corruption Performance Index (CPI)* bagi tahun 2020 yang dilaksanakan oleh *The Malaysian Society for Transparency and Integrity (TI Malaysia)* menunjukkan skor Malaysia telah menyusut dua mata dari skor 53 pada tahun 2019 kepada 51 pada tahun 2020. Kedudukan Malaysia juga menurun dari 51 pada tahun 2019 kepada kedudukan 57 berbanding 180 negara pada tahun 2020. Sekiranya isu persepsi ini tidak ditangani dengan segera, ia akan memberi kesan terhadap keseluruhan perkhidmatan awam dan juga Kerajaan Malaysia.



Merujuk kepada *Public Service Corruption Report (PSCR)* Tahun 2020 yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Negeri Selangor telah menunjukkan skor tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia dengan skor 8.8983.



Menurut PSCR, jenis-jenis kesalahan yang didapati berlaku di Negeri Selangor pada tahun 2020 adalah seperti berikut:



## 2.2 ANALISIS DATA

Dalam fasa pembangunan OACP PSUK, pelbagai data telah diperolehi sepanjang proses penilaian risiko bagi menentukan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh PSUK. Data-data tersebut terbahagi kepada data dalaman dan data luaran. Data dalaman jabatan merangkumi aduan awam, aduan integriti, kes-kes tatatertib, laporan Bahagian Audit Dalam dan soal selidik melibatkan warga PSUK. Manakala data luaran terdiri daripada data yang diperolehi daripada agensi luar seperti Kajian *Public Service Corruption Ranking* (PSCR) daripada SPRM dan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).



Pelan *Corruption Risk Management* (CRM) PSUK turut dirangka melibatkan semua bahagian di bawah PSUK bagi mengenal pasti risiko-risiko berkaitan rasuah di PSUK yang boleh menjejaskan operasi dan imej jabatan. Selanjutnya, hasil perbincangan bersama SPRM dan input daripada setiap bahagian yang dikemukakan semasa Bengkel Pembangunan OACP, risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan anti rasuah di PSUK telah dikenal pasti.

## ADUAN AWAM WARGA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Aduan awam berikut merupakan aduan yang telah disenarai pendek daripada Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) yang dikemukakan oleh Bahagian Korporat PSUK. Berdasarkan statistik penerimaan aduan awam, kebanyakan aduan awam adalah berkaitan dengan isu penyampaian perkhidmatan.

### ADUAN AWAM PSUK BAGI TAHUN 2018

Pegawai tidak beretika dalam berkomunikasi dengan pelanggan

4

Isu Penyampaian Perkhidmatan

7

Pegawai tidak peka dengan keselamatan penumpang

1

### ADUAN AWAM PSUK BAGI TAHUN 2019

Pegawai tidak beretika dalam berkomunikasi dengan pelanggan

1

Isu Penyampaian Perkhidmatan

9

Pegawai tidak mematuhi arahan larangan merokok di premis kerajaan

1

### ADUAN AWAM PSUK BAGI TAHUN 2020

Pegawai tidak beretika dalam berkomunikasi dengan pelanggan

1

Isu Penyampaian Perkhidmatan


4

Pegawai tidak mematuhi SOP dalam membendung wabak penyakit COVID-19

2

## ADUAN INTEGRITI WARGA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Secara keseluruhannya, aduan integriti yang melibatkan warga PSUK berada di bawah kategori pengurusan kewangan dan pentadbiran.



## TINDAKAN TATATERTIB WARGA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Pola statistik tatatertib dalam tempoh 2017 sehingga 2021 bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan.




## STATISTIK KESALAHAN TATATERTIB WARGA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR (2017-2021)





## LAPORAN AUDIT

Berikut adalah pelanggaran-pelanggaran tatakelakuan oleh warga PSUK berdasarkan Laporan Bahagian Audit Dalam yang membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Siasatan Dalaman dan prosedur tatatertib.




## SOAL SELIDIK WARGA PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Merupakan analisa data yang diperolehi daripada responden kaji selidik (182 orang warga PSUK), bertujuan untuk mengukur persepsi dan pandangan warga PSUK daripada pelbagai gred berhubung isu rasuah, governans dan integriti di PSUK.

### BORANG SOAL SELIDIK BERIKUTAN ISU RASUAH, GOVERNANS DAN INTEGRITI



Adakah jawatan anda sekarang terlibat secara langsung dengan orang awam / pemegang taruh (*stakeholders*) yang lain?

182 maklum balas



Adakah jawatan dan fungsi anda sekarang terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya kesalahan rasuah?

182 maklum balas



Pernahkah anda ditawarkan/ menerima rasuah oleh seseorang individu untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu perkara yang berkaitan dengan tugas rasmi?

182 maklum balas





Hasil kaji selidik mendapati sebanyak 55.5% warga PSUK terlibat secara langsung dengan orang awam/ pemegang taruh. Namun begitu, hanya sebilangan kecil iaitu sebanyak 25.8% warga PSUK berpendapat jawatan dan fungsi mereka terdedah kepada ruang dan peluang berlakunya rasuah. Selanjutnya, sebanyak 1.1% daripada warga kerja PSUK pernah ditawarkan/ menerima rasuah oleh seseorang individu berkaitan dengan tugas rasmi.

## SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN) PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR


Audit Nilai merupakan satu proses bagi mengukur tahap amalan nilai murni sesebuah agensi dalam perkhidmatan awam.

SPAN dilaksanakan pada setiap tahun bagi mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan program-program pembaharuan perkhidmatan awam yang terkandung di dalamnya nilai-nilai murni dan seterusnya membangunkan strategi meningkatkan pengamalan nilai-nilai tersebut di PSUK.

Berdasarkan nilai Indeks Komposit yang diperolehi PSUK bagi tahun 2017 - 2019, secara keseluruhannya Indeks Komposit PSUK Selangor berada pada tahap yang baik dan boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan.

### INDEKS KOMPOSIT

■ 2017 ■ 2018 ■ 2019



POIN	TAHAP PENGAMALAN NILAI
≥ 90	Cemerlang dan perlu dikekalkan
80 - 89	Boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan
60 - 79	Perlu penambahbaikan dengan pemantauan
≤ 59	Sangat perlu penambahbaikan dengan pemantauan

## 2.3 ANALISIS RISIKO

Input yang diperolehi daripada Analisis Persekitaran digunakan sebagai asas untuk melaksanakan Analisis Risiko. Sesi perbincangan telah dilaksanakan bersama pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor dan Jawatankuasa OACP PSUK bagi mengenal pasti bidang keutamaan, menilai risiko yang wujud dan mengurus risiko berkenaan sama ada melalui kawalan sedia ada atau mewujudkan inisiatif baru bagi mengatasi risiko berkenaan.



### 3.6 KERANGKA OACP PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



### 3.5 OBJEKTIF STRATEGIK (OS) OACP PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BK1: PEMBANGUNAN	BK2: KEWANGAN	BK3: PENTADBIRAN
<b>STRATEGI (S)</b>		
S1: Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pembangunan ekonomi negeri	S2: Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan	S3: Memperkasakan kompetensi dan integriti dalam pengurusan pentadbiran
<b>OBJEKTIF STRATEGIK (OS)</b>		
<p>OS1: Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan pengurusan projek pembangunan /perbekalan</p> <p>OS2: Memperkemas dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas sistem/ laporan pembekal perkhidmatan</p>	<p>OS1: Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan perolehan dan kewangan</p>	<p>OS3: Merekayasa sistem dan tadbir urus pengurusan PSUK</p>

### 3.6 INISIATIF DAN PELAN TINDAKAN OACP PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR



BIDANG KEUTAMAAN 1:  
**PEMBANGUNAN**

## BIDANG KEUTAMAAN 1: PEMBANGUNAN


<b>STRATEGI</b>	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pembangunan ekonomi negeri
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Mempertingkatkan dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeling berkaitan pengurusan projek pembangunan/ perbekalan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Melaksanakan latihan yang komprehensif bagi semua pegawai pembangunan Jabatan (berkaitan penilaian, pengesahan kerja dan pelarasan projek) bagi semua peringkat organisasi	Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia/ UPEN	Sepanjang tahun
<b>PT2</b>	Melaksanakan pengauditan secara berkala	Bahagian Audit Dalam	Sepanjang tahun
<b>PT3</b>	Menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) terhadap ketidakpatuhan berdasarkan laporan audit	Unit Integriti	Berdasarkan keperluan

## BIDANG KEUTAMAAN 1: PEMBANGUNAN

<b>STRATEGI</b>	S1	Memantapkan kecekapan dan ketelusan dalam pembangunan ekonomi negeri
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS2	Memperkemas dan memantau secara berkala mekanisme kawalan ke atas sistem/ laporan pembekal perkhidmatan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Memberi peringatan berkaitan kesalahan di bawah Akta SPRM dalam mengemukakan tuntutan peruntukan Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri Selangor	UPEN	Sepanjang tahun
<b>PT2</b>	Membuat pemantauan secara berkala bagi kelulusan peruntukan/ sumbangan peruntukan perkhidmatan masyarakat Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri	UPEN	Sepanjang tahun
<b>PT3</b>	Merancang permohonan peruntukan tahunan yang lebih terperinci dan berkesan	UPEN	Sepanjang tahun
<b>PT4</b>	Melaksanakan analisis perbelanjaan tahunan	UPEN	Sepanjang tahun



**BIDANG KEUTAMAAN 2:  
KEWANGAN**

## BIDANG KEUTAMAAN 2: KEWANGAN

<b>STRATEGI</b>	S2	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeliling berkaitan perolehan dan kewangan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Melaksanakan latihan yang komprehensif bagi semua pegawai yang menguruskan perolehan dan kewangan	Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Sepanjang tahun
<b>PT2</b>	Melaksanakan pusingan kerja bagi jawatan sensitif (yang menguruskan perolehan dan kewangan)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Sepanjang tahun
<b>PT3</b>	Melaksanakan pengauditan terhadap perolehan secara berkala	Bahagian Audit Dalam	Sepanjang tahun
<b>PT4</b>	Melaksanakan naziran terhadap perolehan secara berkala	Unit Integriti	Sepanjang tahun
<b>PT5</b>	Memastikan dokumen pembelian terus dirujuk, disemak dan disahkan oleh Unit Perolehan	Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

## BIDANG KEUTAMAAN 2: KEWANGAN


<b>STRATEGI</b>	S2	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeling berkaitan perolehan dan kewangan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT6</b>	Menambah baik prosedur kerja perolehan tender/ sebut harga jabatan	Unit Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
<b>PT7</b>	Penilaian teknikal dan prestasi kontraktor dibuat oleh pihak yang melaksanakan bidang dan kepakaran yang sama tetapi dari bahagian yang lain	Semua bahagian yang melaksanakan perolehan	Sepanjang tahun
<b>PT8</b>	Mewujudkan Pegawai Penyemak bagi pemantauan perolehan di setiap bahagian	Semua bahagian yang melaksanakan perolehan	Sepanjang tahun
<b>PT9</b>	Mengiklankan Dokumen Tender dan Sebut Harga kepada semua syarikat yang berkelayakan dan mendaftar dalam Sistem Tender <i>Online</i>	Bahagian Pengurusan Maklumat	Sepanjang tahun
<b>PT10</b>	Melaksanakan Sistem Pusingan Pelantikan Kontraktor	Semua bahagian yang melaksanakan perolehan	Sepanjang tahun

## BIDANG KEUTAMAAN 2: KEWANGAN

<b>STRATEGI</b>	S2	Mengukuhkan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Mempertingkat dan memantau pematuhan ke atas arahan serta pekeling berkaitan perolehan dan kewangan

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT11</b>	Mewujudkan modul bagi menilai prestasi pembekal selepas selesai kerja dalam Sistem Tender <i>Online</i>	Bahagian Pengurusan Maklumat	Disember 2022
<b>PT12</b>	Kontraktor yang gagal disenaraihitamkan dalam Sistem Tender <i>Online</i>	Bahagian Pengurusan Maklumat/UPEN SPBT	Sepanjang tahun
<b>PT13</b>	Mewujudkan sistem <i>Star Rating</i> bagi kontraktor dalam Sistem Tender <i>Online</i>	Bahagian Pengurusan Maklumat	Disember 2022
<b>PT14</b>	Melaksanakan <i>Integrity Pact</i> dalam proses perolehan	Semua bahagian yang melaksanakan perolehan	Sepanjang tahun
<b>PT15</b>	Melaksanakan pemantauan mengejut	Semua bahagian yang melaksanakan perolehan	Sepanjang tahun



**BIDANG KEUTAMAAN 3:  
PENTADBIRAN**

### BIDANG KEUTAMAAN 3: PENTADBIRAN

<b>STRATEGI</b>	S3	Memperkasakan kompetensi dan integriti dalam pengurusan pentadbiran
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Merekayasa sistem dan tadbir urus pengurusan SUK

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT1</b>	Melaksanakan latihan yang komprehensif bagi semua pegawai yang menguruskan aset	Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Sepanjang tahun
<b>PT2</b>	Pemantauan dan penyeliaan berkala terhadap pelupusan aset yang tidak mengikut Tatacara Pelupusan Aset Kerajaan	Semua bahagian	Sepanjang tahun
<b>PT3</b>	Pemantauan dan penyeliaan berkala terhadap Rekod Pergerakan Aset dan Pelabelan Aset	Semua bahagian	Sepanjang tahun
<b>PT4</b>	Pemantauan dan penyeliaan berkala terhadap Penerimaan Aset (Memastikan Pegawai Penerima dan Pegawai Pelulus adalah individu yang berbeza)	Semua bahagian	Sepanjang tahun
<b>PT5</b>	Mewajibkan semua kakitangan yang mengendalikan dokumen terperingkat untuk melaksanakan Tapisan Keselamatan dan menandatangani Aku Janji	Semua bahagian	Sepanjang tahun

### BIDANG KEUTAMAAN 3: PENTADBIRAN

<b>STRATEGI</b>	S3	Memperkasakan kompetensi dan integriti dalam pengurusan pentadbiran
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	OS1	Merekayasa sistem dan tadbir urus pengurusan SUK

BIL.	PELAN TINDAKAN (PT)	PELAKSANA	TEMPOH MASA
<b>PT6</b>	Arahan Kerja Lebih Masa adalah berdasarkan kerja/ <i>task force</i> yang diarahkan dari semasa ke semasa. Kawalan melalui senarai semak oleh pegawai penyelia melalui pencapaian kerja yang telah dilaksana sebelum menandatangani borang tuntutan	Semua bahagian	Sepanjang tahun
<b>PT7</b>	Mengadakan kursus integriti bagi meningkatkan kesedaran	Unit Integriti	Sepanjang tahun
<b>PT8</b>	Mengadakan taklimat Akta Rahsia Rasmi 1972 dan keselamatan dokumen	Unit Latihan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	Sepanjang tahun
<b>PT9</b>	Mengehadkan akses individu ke atas dokumen sulit	Semua Bahagian	Sepanjang tahun



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

## 4.1 MEKANISME PENYELARASAN DAN PENILAIAN

Unit Integriti PSUK dengan kerjasama dari Jawatankuasa OACP PSUK yang telah dilantik dari setiap bahagian di bawah Pejabat SUK Selangor akan bertindak sebagai penyelarasan bagi pembangunan, pelaksanaan, pemantauan Pelan Tindakan, dan pelaporan pencapaian OACP PSUK secara berkala. Dalam hal ini, Jawatankuasa OACP PSUK akan mengemukakan pelaporan pelaksanaan OACP PSUK kepada Unit Integriti untuk dikemukakan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengikut suku tahun (Januari, April, Julai, Oktober).

Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) akan berfungsi sebagai mekanisme tertinggi yang menerima laporan, membincangkan, membuat keputusan dan memantau pelaksanaan OACP PSUK seperti yang dinyatakan dalam perkara 6.1.8 – Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Anti Rasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional.

## 4.2 FORMAT PELAPORAN OACP PSUK

<b>BAHAGIAN</b>	
<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	
<b>STRATEGI</b>	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK</b>	
<b>TARIKH LAPORAN</b>	

<b>BIL.</b>	<b>PROGRAM/AKTIVITI</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PELAKSANAAN</b>	<b>TINDAKAN YANG DIAMBIL</b>	<b>TARIKH PELAKSANAAN</b>	<b>CATATAN</b>

## 5.0 PENUTUP

Pembangunan OACP PSUK merupakan komitmen Pejabat SUK Selangor dalam memantapkan pengukuhan governans, serta membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi. Justeru, sebanyak 31 Pelan Tindakan melalui tiga (3) strategi telah digariskan di dalam OACP PSUK. Pelan ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi oleh Pejabat SUK Selangor. Oleh itu, kerjasama dan komitmen secara berterusan dari semua warga SUK amat diperlukan bagi memastikan OACP PSUK mencapai matlamatnya.



**UNIT INTEGRITI**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
40503 Shah Alam, Selangor